

**TEKS UCAPAN
Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**MAJLIS PENGHARGAAN PENERBITAN ARTIKEL JURNAL WOS
SCOPUS TERTINGGI STAF AKADEMIK
30 NOVEMBER 2020 2.30 PETANG
BILIK JAMUAN UTAMA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

1. Ybhg. Prof. Dr. Zulkifilie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

2. Ybhg. Profesor Dr. Ghazali bin Omar

Menjalankan Fungsi Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

3. Ybhg. Prof. Dr. Zahriladha bin Zakaria

Pengarah CRIM

Dekan-Dekan Fakulti, Para pensyarah yang diraikan, hadirin hadirat sekalian.

TALKING POINTS

1. Tahniah dah syabas kepada semua sepuluh ahli akademik UTeM yang telah menerbitkan artikel tertinggi dalam Jurnal WoS dan SCOPUS dari Januari – November 2020.

2. Ahli akademik tersebut adalah:

- a. Prof. Dr. Zahriladha Zakaria- FKEKK
- b. Prof. Dr. Ghazali Omar – AMC
- c. Prof. Ts. Dr. Burhanuddin Mohd Aboobaider – FTMK
- d. Prof. Ts. Dr. Noreffendy Tamaldin – FKM
- e. Prof. Madya Dr. Nor Azmmi Masripan – AMC
- f. Prof. Madya Ir. Ts Dr. Abdul Rahim Abdullah – FKE

- g. Ts. Dr. Mohd Azli Salim – AMC
 - h. Pn. Najiyah Safwa Khashi'ie – FTKMP
 - i. Encik Iskandar Waini – FTKMP
 - j. Encik Adzni Md Saad – FKM
3. Bagi pihak Universiti, saya ucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada para penyelidik yang bertungkus lumus menghasilkan artikel yang berkualiti.

4. Sumbangan penerbitan tuan puan secara langsung dapat meningkatkan lagi pencapaian semasa bidang penerbitan Universiti dalam MyRA mahupun SETARA dan turut menyumbang kepada penilaian untuk Rankings; sama ada QS Rankings dan THE Rankings.

5. Diharapkan pencapaian penerbitan yang cemerlang ini tidak terhenti di sini, kerana kecemerlangan seumpama ini hendaklah berterusan selagi mana tuan puan bergelar ahli akademik dan penyelidik di Universiti ini.
6. Kongsikan kemahiran dan pengalaman ini untuk membimbing dan menyokong penyelidik-penyelidik muda Universiti – secara mentor – mentee, supaya pada satu hari nanti hasil tunjuk ajar tuan puan ini membolehkan mereka

semua turut mencapai kecemerlangan dalam bidang penerbitan.

7. Jika dilihat, tren penerbitan jurnal Universiti berlaku peningkatan dari tahun ke tahun. Walau bagaimanapun, masih banyak ruang dan skop yang memerlukan perhatian dan penambahbaikan:


a. Setiap profesor, profesor madya, pensyarah kanan dan pensyarah telah ditetapkan dengan bilangan penerbitan jurnal berindeks setahun, yang mana Profesor hendaklah menerbitkan sekurangnya 3 jurnal berindeks setahun, Prof. Madya (2), Pensyarah Kanan (2) dan Pensyarah (1). Diharapkan, staf di semua peringkat perjawatan ini dalam memenuhi kriteria minimum yang ditetapkan, malah diharapkan dapat menerbitkan lebih daripada yang ditetapkan.

b. Dekan perlu memainkan peranan yang penting dalam memastikan semua ahli akademik di fakulti berjaya menerbitkan jurnal WOS dan SCOPUS seperti yang ditetapkan dan perlu merancang sebaik-baiknya dalam menyeimbangkan penglibatan sebagai *main author* dan *co-author*. Ini secara langsung dapat menyumbang kepada hasrat Universiti untuk mencapai MyRA 5 bintang, membantu dalam kenaikan pangkat dan e-PPTA staf akademik.

c. Kedudukan UTeM dari kalangan MTUN. Pada masa ini UTeM berada di tempat ke empat.

WEB OF SCIENCE (WoS)	UMP	UNIMAP	UTHM	UTeM
Total Publications	4258	3749	3872	2564
Sum of Times Cited	22377	11267	9598	5639
Sum Of Times Cited Without Self Citations	18882	9177	7724	4304
Citing Articles	17680	9036	7287	4302
Citing Articles Without Self Citations	16203	8111	6348	3649
Average Citations Per Item	5.26	3.01	2.48	2.2
H-Index	51	37	34	28

SCOPUS	UMP	UNIMAP	UTHM	UTeM
Documents	6203	6271	7847	4660
Citations	30917	19418	19568	12024
H-Index	58	42	39	34



Nota:

- 2016-2020 Publication Years [SCOPUS: 12024 citation] & WoS [5631 citation]

Sumber data disediakan oleh Perpustakaan Laman Hikmah UTeM



8. Harapan agar budaya penyelidikan dan penerbitan di Universiti ini semakin terserlah dan meningkat cemerlang dari masa ke semasa.
9. Dengan segala usaha bersama ini, diharapkan hasrat kita yang diterjemahkan dalam Pelan Strategik Universiti 2021 – 2025, konsep TUNAI disamping hasrat melahirkan ramai

technology scholars dan *solution providers* bagi melengkapi ekosistem akademik, industri.

10. Sekian, terima kasih.